

## PERKAHWINAN MISYAR: KAJIAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH

### MISYAR MARRIAGE IN SHARIAH PERSPECTIVE

<sup>i\*</sup> Mushaddad Hasbullah, <sup>i</sup>Mohamad Zaharuddin Zakaria, <sup>i</sup>Farhana Mohamad Suhaimi

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

<sup>\*</sup>(Corresponding Author): mushaddad@usim.edu.my

### ABSTRAK

Dewasa ini umat Islam berhadapan dengan pelbagai masalah fiqh semasa yang perlu diselesaikan, antara isu hangat yang hebat diperbincangkan adalah isu perkahwinan misyar. Justeru, penulisan ini akan cuba mengupas hakikat perkahwinan misyar, sejarah dan sebab kemunculannya dan sejauh mana hubungannya dengan perkahwinan yang bertepatan dengan undang-undang Islam. Penulisan ini juga akan cuba mengulas mengenai perbezaan perkahwinan misyar dengan beberapa perkahwinan lain yang telahpun dijelaskan oleh ulama-ulama Islam mengenai pengharamannya seperti perkahwinan mut'ah dan perkahwinan al-Muhallil (cina buta). Ianya diharap sedikit sebanyak dapat menyelesaikan kekeliruan umat Islam terhadap perkahwinan ini sama ada ianya seiring dengan tuntutan undang-undang Islam atau sebaliknya.

**Kata Kunci:** perkahwinan misyar, nikah misyar, fiqh munakahat

### ABSTRACT

*Misyar marriage can be defined as a legal or formal marriage contract between a man and a woman, with the condition that the spouse give up one, two or several of their rights by their own free will. This paper will analyse the concept of misyar marriage, and the reason for its re-emergence today. This paper will discuss the Shariah scholars' perspectives relating to this issue, the comparison between misyar marriage with other banned marriage such as nikah mut'ah and nikah al-Muhallil. Thus, this study will be able to resolve the confusion of this type of marriage whether it is in accordance with Islamic law or otherwise.*

**Keyword (s):** misyar marriage, zawaq misyar

### PENGENALAN

Kewujudan keluarga Islam yang bahagia merupakan elemen amat penting dalam memastikan kesinambungan kekuatan masyarakat Islam. Oleh itu, Islam amat menekankan kepada kelangsungan hakikat ini dengan mensyariatkan perkahwinan kepada hamba-hambanya sebagai menjawab tuntutan fitrah manusia yang saling memerlukan di antara satu sama lain, keperluan ini bukan sahaja untuk memenuhi tuntutan jasad tetapi yang lebih penting dari itu adalah tuntutan semula jadi manusia seperti mana yang terkandung dalam firman Allah (SWT):

{وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتُسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مُوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِفُؤُمٍ يَنْفَكِرُونَ}

Yang bermaksud: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.* (Al-Quran, Ar-Rum:21)

Perkahwinan seperti yang telah digariskan oleh Syariat Islam merupakan asas kepada kewujudan *mawaddah* dan *rahmah* seperti yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam ayat di atas. Garis panduan mengenai perkahwinan pada asasnya telah ditetapkan oleh Islam sama ada di dalam Al-Quran mahupun As-Sunnah. Namun, seiring dengan perkembangan kehidupan manusia timbul pelbagai permasalahan baru seperti perkahwinan Misyar yang tidak pernah diperdebatkan oleh ulama' terdahulu. Justeru, untuk memastikan adakah perkahwinan ini bertepatan dengan syariat Islam satu penelitian dan pengkajian yang mendalam perlu dibuat.

Kajian mengenai perkahwinan Misyar dari aspek Syariah adalah amat penting pada hari ini apabila banyak pihak sama ada di kalangan ilmuan atau masyarakat awam telah mula memperdebatkannya. Pelbagai pandangan telah dikeluarkan berkaitan dengan hukum perkahwinan tersebut, namun penjelasan hukum yang sebenar yang seiring dengan apa yang telah dijelaskan oleh Al-Quran, Sunnah dan Ijtihad ulama masih lagi menjadi keraguan. Lantaran itu, penulisan ini insya Allah sedikit sebanyak diharap dapat menguraikan kekusutan tersebut dan dapat memberi penjelasan yang lebih mendalam.

## KONSEP PERKAHWINAN MISYAR

### Pengertian Misyar dari aspek bahasa

Dari aspek Bahasa Arab perkataan *Misyar* berasal dari perkataan “al-sair” (السیر) yang bermaksud berjalan di bumi. Seseorang itu berjalan apabila dia pergi ke sesebuah tempat (Ibnu Manzur, t.th.). Perkataan *Misyar* itu sendiri merupakan sighah mubalaghah (صيغة مبالغة) iaitu penyifatan kepada seseorang yang kuat berjalan. Kemudian, orang arab menisbahkan *Misyar* kepada perkahwinan untuk menggambarkan tentang sejenis perkahwinan yang tidak iltizam dengan hak-hak seperti perkahwinan yang telah diwajibkan oleh syarak, seolah-olah seperti lelaki yang sedang dalam perjalanan yang inginkan supaya perjalanan itu tidak diberati dengan sebarang beban (Al Asyqar, 2000). Syeikh Yusuf Al-Qaradhawi menyebut: *Perkahwinan sebegini diberi nama Misyar kerana kerana lelaki perlu berjalan (pergi) kepada isterinya, sedangkan pihak isteri hanya tetap di rumahnya* (Al-Qaradhawi, 2006).

### Pengertian Misyar dari aspek Istilah Syarak

Para ulama terdahulu tidak pernah membincangkan mengenai perkahwinan *Misyar*, perkahwinan ini merupakan perkahwinan yang timbul akhir-akhir ini dan hanya diperjelaskan pengertiannya oleh ulama masa kini, antara mereka yang mentakrifkannya adalah seperti berikut:

- 1) Syeikh Ahmad al-Tamimi mentakrifkannya sebagai: perkahwinan *antara lelaki dan perempuan yang melalui aqad yang sah dari segi syarak dan memenuhi rukun-rukun perkahwinan, namun pihak wanita (isteri) berkompromi terhadap hak dirinya seperti tempat tinggal dan nafkah* (Al Asyqar, 2000).
- 2) Syeikh Yusuf Al-Qaradhawi pula mentakrifkannya sebagai: *Perkahwinan yang menurut syarak namun berbeza dengan perkahwinan biasa dalam Islam kerana wanita (isteri) berkompromi terhadap haknya yang wajib ditunaikan oleh suami, seperti nafkah dan tidur bersama. Biasanya perkahwinan ini adalah perkahwinan kedua atau ketiga iaitu salah satu bentuk poligami. Apa yang paling menonjol dalam perkahwinan ini adalah mengenai sikap kompromi isteri dengan sepenuh keinginan dan keredhaan hatinya terhadap sebahagian daripada hak-haknya* (Al-Qaradhawi, 2006).
- 3) Syeikh Abdullah Muni' yang merupakan anggota Jawatankuasa Ulama besar Arab Saudi dan Qadhi Mekah mentakrifkan perkahwinan *Misyar* sebagai “*Perkahwinan yang sempurna semua rukun dan syaratnya. Perkahwinan ini seperti pernikahan biasa yang menthabitkan hak-hak dalam perkahwinan seperti keturunan, pewarisan, iddah, perceraian, keharusan bersetubuh, penyediaan tempat tinggal, nafkah dan sebagainya daripada hak-hak dan kewajipan-kewajipan berumahtangga. Namun, dalam masa yang sama kedua-dua (suami dan isteri) telah bersetuju dan bersepakat untuk menggugurkan hak isteri seperti tidur bersama, pembahagian hak dengan isteri-isteri lain, nafkah dan sebagainya. Walaubagaimanapun perkara ini terpulang kepada suami itu sendiri pada bila-bila masa dia ingin menziarahi isterinya yang dikahwini secara misyar itu* (Al Asyqar, 2000).

Kesimpulannya, perkahwinan *Misyar* merupakan satu perkahwinan yang sama dengan perkahwinan yang diharuskan dalam Islam yang cukup segala rukun dan syaratnya, Cuma perbezaannya ialah pada hak-hak isteri yang telah dipersetujui untuk digugurkan atas kerelaan isteri itu sendiri seperti hak tidur bersama, nafkah dan sebagainya.

## SEJARAH DAN SEBAB KEMUNCULAN PERKAHWINAN MISYAR

Syeikh Yusuf Qaradhwai menyatakan bahawa perkahwinan *Misyar* ini merupakan satu fenomena baru dalam masyarakat Islam, kemunculannya bermula dalam tempoh beberapa tahun yang lalu di negara-negara Teluk khususnya di Arab Saudi (N.A., 2004). Syeikh Ahmad al-Tamimiy menyatakan bahawa perkahwinan *Misyar* buat pertama kalinya muncul di daerah Al-Qosim di Arab Saudi kemudian ia tersebar ke kawasan tengah Arab Saudi, apa yang jelas orang yang mempelopori idea perkahwinan ini ialah *Fahd Al-Ghunaim*, diceritakan bahawa beliau telah diminta untuk menyelesaikan isu perkahwinan untuk wanita-wanita yang berumur dan tidak berkesempatan untuk berkahwin seperti biasa dan janda-janda yang memerlukan teman hidup (Al Asyqar, 2000).

Manakala punca atau sebab-sebab yang membawa kepada munculnya perkahwinan ini dapat dirangkumkan pada 3 faktor utama; pertama: Faktor wanita, Kedua: Faktor lelaki, dan ketiga: Faktor sosial.

### Pertama: Faktor Wanita

#### 1- Kewujudan ramai wanita yang tidak berkahwin (andartu)<sup>1</sup> dan janda.

Antara punca utama kepada kewujudan perkahwinan *Misyar* adalah kerana terdapat terlalu ramai golongan wanita yang sepatutnya telah berkahwin tetapi terpaksa menempuh masalah untuk mendapatkan pasangan-pasangan hidup. Begitu juga dengan wanita-wanita yang kehilangan suami kerana kematian ataupun perceraian. Fenomena ini sudah menjadi satu kebiasaan di negara-negara teluk terutamanya Arab Saudi dan ianya merupakan satu realiti yang amat bahaya. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh *Majallah al-Usrah* Arab Saudi ke atas 363 orang wanita di negara itu sebanyak 46.62% berpendapat bahawa antara sebab kemunculan perkahwinan ini adalah kerana keadaan wanita yang berusia namun masih belum mendapatkan suami. Mereka juga berpendapat bahawa perkahwinan ini merupakan penyelesaian terakhir kepada masalah mereka.

#### 2- Penolakan ramai wanita terhadap poligami.

Ramai di kalangan golongan wanita tidak boleh menerima untuk bermadu walaupun pada dasarnya mereka menerima bahawa poligami merupakan sesuatu yang disyariatkan oleh Allah (SWT) namun sifat cemburu yang merupakan sifat semulajadi mereka menjadikan senario ini sebagai satu realiti yang tidak boleh ditolak.

Penolakan ini seterusnya menyebabkan lebih ramai wanita terpaksa menjadi andartu, akhirnya perkahwinan *Misyar* menjadi penyelesaian kepada masalah mereka. Penolakan ini juga membawa kepada tindakan sesetengah golongan lelaki melakukan poligami melalui perkahwinan *Misyar* dengan alasan supaya isteri pertama tidak dapat mengetahui perkahwinan tersebut. Berdasarkan kepada tinjauan pendapat yang di buat di Arab Saudi sebanyak 66.25% menyatakan bahawa antara punca munculnya perkahwinan ini adalah kerana keinginan sesetengah golongan lelaki untuk berpoligami tanpa pengetahuan isteri pertama.

#### 3- Keperluan sesetengah golongan wanita untuk menjaga keluarga

Kadang-kadang dalam sesebuah keluarga, ibu-bapa tidak mempunyai sesiapa untuk menjaga mereka melainkan seorang perempuan sahaja, namun dalam masa yang sama anak itu juga perlu meneruskan hidup sebagai seorang wanita yang mempunyai suami. Dalam keadaan seperti ini, ada golongan wanita yang ingin mendapatkan kedua-duanya, menjaga ibu bapa dan berkahwin. Maka jalan yang terbaik ialah dengan melakukan perkahwinan *Misyar*. Dalam kajian terhadap beberapa perkahwinan *Misyar* yang telah diamalkan Arab Saudi seorang wanita menyatakan: “*Saya mempunyai pekerjaan yang tetap dan mempunyai lima orang anak, saya ingin membesarakan anak-anak dengan pendidikan yang baik dan sempurna selepas kematian suami. Ramai lelaki telah datang untuk*

<sup>1</sup> Gelaran atau panggilan yang bermaksud anak dara tua (*Kamus Dewan*, 2002).

*memperisterikan saya namun saya menolak kerana terlalu sibuk dengan anak-anak, sehingga datang kepada saya seorang laki-laki yang ingin mengahwini saya secara Misyar, iaitu dia akan datang pada saya setiap hujung minggu sahaja. Oleh itu, saya boleh bebas menguruskan anak-anak dan dalam masa yang sama mempunyai suami* (N.A., 2007).

## Kedua: Faktor lelaki

### 1- Keinginan berpoligami.

Ada lelaki yang ingin berpoligami untuk memenuhi hasrat kelakiannya yang tidak boleh diperolehi daripada isteri pertama, mungkin kerana usia isteri, sibuk dengan anak-anak, sakit dan sebagainya. Walaupun hak ini dibenarkan dalam Islam, namun dia masih takut jika tindakannya itu sampai ke pengetahuan isteri pertama demi untuk menjaga kebahagian keluarga. Akhirnya, perkahwinan *Misyar* akan menjadi penyelesaian kepada fenomena seperti itu, di mana lelaki tersebut akan mendapatkan apa yang dihasratkannya tanpa perlu tinggal bersama isteri baru untuk tempoh yang lama. Dalam tinjauan pendapat yang dibuat oleh *majallah al-Usrah* menunjukkan sebanyak 52.9% daripada wanita-wanita yang disoal selidik menyatakan bahawa bahawa anatara punca timbulnya perkahwinan *Misyar* adalah kerana keinginan lelaki memenuhi keperluan batinnya melalui poligami.

### 2- Tidak mahu memikul bebanan berumahtangga

Ada sesetengah golongan lelaki yang tidak mempunyai kesediaan dan kemampuan untuk memikul lebih tanggungjawab dan bebanan dalam hidup berumahtangga, terutamanya dalam kehidupan hari ini keperluan hidup semakin meningkat begitu juga dengan perbelanjaan. Dalam masa yang sama mereka mahu memenuhi keinginan batin tetapi dengan menjaga kehormatan seorang muslim, seiring dengan keinginan ini terdapat keinginan yang sama dari golongan wanita yang terdiri daripada andartu, janda dan sebagainya yang memerlukan beliaian suami. Justeru, perkahwinan *Misyar* menjadi alternatif kepada mereka untuk memenuhi keperluan naluri dan meringankan bebanan lelaki. Dalam satu tinjauan pendapat menunjukkan bahawa sebanyak 58.75% daripada mereka yang ditanya berpendapat bahawa antara punca perkahwinan misyar adalah kerana terdapat golongan lelaki yang ingin lari dari bebanan dan tanggungjawab hidup berumahtangga.

### 3- Menjalankan tugas tidak pada satu tempat.

Kadang-kadang ada lelaki yang terpaksa bekerja di banyak tempat dan tidak tetap di satu tertentu sahaja, dia terpaksa pergi ke satu-satu kawasan untuk menjalankan tugas rasmi ataupun untuk urusan perniagaan. Semasa berjauhan dari isteri, lelaki tersebut akan terdedah kepada pelbagai cabaran termasuk wanita, justeru untuk mengelakkan diri dari terjerumus ke lembah perzinaan dia memerlukan wanita yang halal untuk diduduki namun tidak bersedia untuk memikul tanggungjawab perkahwinan sepenuhnya, oleh itu perkahwinan *Misyar* menjadi alternatif kerana lelaki ini tidak hidup tetap dengan isteri yang dikahwini secara *Misyar* melainkan pada waktu-waktu tertentu sahaja iaitu apabila dia datang ke tempat perempuan itu (N.A., 2007).

## Ketiga: Faktor sosial

### 1- Nilai maskahwin yang tinggi dan bebanan hidup yang meningkat.

Terdapat pelbagai halangan terhadap seseorang lelaki untuk mendirikan rumahtangga, antaranya kadar maskahwin yang tinggi yang ditetapkan oleh uruf dan keluarga wanita. Di samping itu, jika mendirikan rumahtangga suami terpaksa memikul bebanan yang kadang-kadang di luar kemampuannya. Dalam masa yang sama, terdapat ramai wanita yang hidup menjanda dan ingin berkahwin, mereka ini juga merupakan golongan yang memiliki kekayaan. Begitu juga dengan andartu-andartu berada yang sanggup berkompromi terhadap hak-hak dalam berumahtangga asalkan mendapat jodoh, justeru fenomena ini menjadi salah satu faktor kepada munculnya perkahwinan *Misyar*.

### 2- Pandangan sinis masyarakat terhadap lelaki yang ingin berpoligami.

Masyarakat kadang-kadang memandang serong terhadap lelaki yang berpoligami, dia dituduh kuat nafsu dan gatal, sedangkan masyarakat tidak memahami kemungkinan dia berhadapan dengan situasi yang amat memerlukan untuk berpoligami sama ada untuk kepentingan dirinya atau isteri-isterinya. Oleh sebab pandangan sedemikian oleh masyarakat, ada lelaki-lelaki yang mengambil pendekatan

untuk menyembunyikan tindakan berpoligami dari mata masyarakat, maka langkah yang paling sesuai adalah melalui perkahwinan *Misyar* (N.A., 2007).

Harus diingatkan di sini bahawa pandangan sinis terhadap tindakan berpoligami merupakan satu kesilapan besar yang perlu dibetulkan, ini kerana poligami telah diharuskan oleh Islam dan diamalkan oleh Rasulullah (SAW) dan para sahabat Baginda.

## PANDANGAN ISLAM TERHADAP PERKAHWINAN MISYAR

Para ulama masa kini berselisih pendapat mengenai hukum perkahwinan *Misyar* ini; ada di kalangan mereka yang berpendapat bahawa ianya harus dan kadang-kadang menjadi makruh, ada yang berpendapat bahawa ianya haram dan ada golongan ulama yang tawaqquf iaitu tidak mengeluarkan hukum sama ada harus atau tidak.

### **Pendapat pertama: Harus atau harus dengan makruh**

Pendapat ini dipelopori oleh ulama-ulama seperti Syeikh Abd al-Aziz bin Baz, Syeikh Abd al-Aziz bin Abdullah Aali al-Syeikh, Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahman al-Jibrin, Syeikh Yusuf Muhammad al-Mutlaq, Syeikh Ibrahim bin Solih al-Khudhairi, Syeikh Nasr Farid Wasil, Dr. Wahbah al-Zuhailiy, Dr. Yusuf al-Qaradhowi, Syeikh Abdulllah Muni', Dr. Mahmud Abu Lail, Dr. Ahmad al-Hajji al-Kurdi (N.A., 2007) dan Syeikh Muhammad Sayyid al-Thanthawi. (N.A., 2007; Al Asyqar, 2000)

Mereka yang berpendapat perkahwinan ini harus, menyatakan bahawa mereka bukanlah pihak yang menyokongnya, mereka juga mendedahkan tentang kejelekan dan keburukannya bagi menjelaskan bahawa perkahwinan ini tidak sepatutnya digalakkan dan dibiarkannya tersebar. Antara mereka yang menjelaskan perkara sedemikian ialah Syeikh Yusuf al-Qaradhowi, beliau berkata: “*Saya bukanlah orang yang menggalakkan perkahwinan Misyar, saya tidak pernah berkhutbah menyeru manusia kepada melaksanakan perkahwinan Misyar, saya juga tidak pernah menulis sebarang makalah mengajak manusia mengamalkan perkahwinan seperti ini. Tetapi saya ditanya mengenainya, oleh itu saya tidak boleh lari melainkan dengan menjawab terhadap apa yang ditanya berdasarkan kepada apa yang telah ditetapkan oleh agama saya*” (N.A., 2004).

Dr. Wahbah al-zuhailiy menerangkan: “*Perkahwinan ini sah namun tidak digalakkan di dalam Syarak, kerana ianya tidak memenuhi objektif Syariah melalui perkahwinan iaitu untuk ketenangan hati, pemeliharaan dan penjagaan keluarga dan anak-anak dengan sebaik dan sesempurna mungkin*” (Al-Zuhailiy, 1999).

### **Dalil-dalil pendapat ini:**

1- Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

(عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ سَوْدَةَ بْنَتْ رَمْعَةَ وَهُبَّتْ بِيَوْمِهَا لِعَائِشَةَ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ لِعَائِشَةَ بِيَوْمِ سَوْدَةِ)

Yang bermaksud: *Daripada ‘Aisyah (RA) bahawa Saudah binti Zam’ah memberikan harinya kepada ‘Aisyah, dan Rasulullah (SAW) membahagikan kepada ‘Aisyah dengan harinya (bahagiannya) dan hari yang diberikan oleh Saudah.* (Al Bukhari, 1987)

Di dalam hadis ini Saudah isteri Rasulullah SAW memberikan harinya untuk bersama Rasulullah SAW kepada ‘Aisyah (madunya) dan Nabi menerima pemberian tersebut, ini menunjukkan bahawa isteri mempunyai hak untuk menggugurkan haknya seperti hak tidur bersama suami dan nafkah.

2- Dr. Wahbah al-Zuhailiy menyatakan: “*Setiap aqad yang memenuhi rukun dan syarat adalah sah dan harus, selagi mana ianya tidak menjadi jambatan untuk sesuatu yang haram seperti perkahwinan al-Muhallil (cina buta), perkahwinan sementara, dan Mut’ah. Perkahwinan Misyar bukan untuk tujuan yang haram*” (Al-Zuhailiy, 1999).

3- Perkahwinan *Misyar* mempunyai banyak kebaikan, ianya memenuhi keinginan semulajadi wanita, ianya dapat menghalang wanita daripada terjerumus ke lembah maksiat. Dr. Wahbah al-Zuhailiy menyatakan: “*Memberikan perlindungan kepada wanita dengan mengahwininya merupakan tuntutan semulajadi sosial dan kemanusiaan, apabila seseorang lelaki mampu melakukannya maka ianya merupakan satu sumbangan yang besar dalam menjayakan tuntutan Syarak dan perbuatan tersebut baik dan berpahala*” (Al-Zuhailiy, 1999).

### **Pendapat kedua: Haram**

Antara ulama yang berpendapat bahawa perkahwinan *Misyar* adalah haram ialah Syeikh Muhammad Nasir al-Din al-Albaniy (Al-Utaibiy, 2006), Prof. Dr. Ali al-Qurrah Daghi, Prof. Dr. Ibrahim Fadhil al-Dibu, Dr. Jabar al-Fudhailat, Prof. Dr. Muhammad al-Zuhailiy, Prof. Dr. Abdullah al-Jabburi, dan Prof. Dr. Umar Sulaiman al-Asyqar (Al-Asyqar, 2000).

### Dalil-dalil pendapat ini:

1- Perkahwinan ini bertentangan dengan matlamat perkahwinan menurut Syariah Islam. Perkahwinan disyarakkan untuk matlamat sosial, diri dan ugama. Namun, perkahwinan *Misyar* tidak mencapai matlamat-matlamat tersebut yang terdiri daripada kasih sayang, belas kasihan, ketenangan, penjagaan naluri kemanusian, pemeliharaan hak dan kewajipan yang muncul daripada perkahwinan yang sebenar (Al-Utaibiy, 2006).

2- Perkahwinan ini menjadi pembuka jalan kepada kerosakan dan penyelewengan. Lelaki akan pandang remeh pada penetapan kadar maskahwin, tidak mahu memikul tanggungjawab keluarga dan akan mempergunakan kekayaan isteri untuk kepentingan peribadi, apabila mudah melangsungkan perkahwinan kemungkinan mudah juga untuk perceraian, aqad itu mungkin secara rahsia dan mungkin tanpa wali. Maka perkahwinan ini akan menjadi satu permainan kepada mereka yang menurut hawa nafsu (Al-Utaibiy, 2006). Dr. Muhammad al-Zuhaily menyebut: “*Sesuatu perkara yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram adalah haram. Oleh itu pengharaman perkahwinan ini merupakan Sadd al-Zariah iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram. Kesan-kesan ini bukanlah semata-mata jangkaan yang tidak berasas bahkan ianya merupakan kemungkinan besar yang biasa berlaku*” (N.A., 2007).

3- Perkahwinan *Mut'ah* dan *al-Muhallil* diharamkan kerana tidak memenuhi matlamat perkahwinan dalam Islam. Justeru, sama dengan perkahwinan *Misyar* yang juga haram kerana tidak memenuhi matlamat asal perkahwinan menurut Islam. Di samping itu, perkahwinan *Misyar* juga menghapuskan *qiwamah al-rijal*<sup>2</sup> dalam rumah tangga (N.A., 2006).

### Pendapat ketiga: Tawaqquf iaitu tidak mengeluarkan hukum sama ada harus atau tidak.

Terdapat golongan ulama tidak mahu mengeluarkan hukum apabila ditanya mengenai perkahwinan ini, mereka sebenarnya masih memerlukan kepada lebih penelitian dan pemerhatian. Antara ulama-ulama tersebut ialah Syeikh Muhammad Solih bin ‘Uthaimin da Dr. Umar bin Su’ud al-‘Ied (Al-Asyqar, 2000).

### Analisa pendapat:

Setelah meneliti kepada ketiga-tiga pendapat tadi, penulis pada dasarnya lebih cenderung kepada pendapat pertama yang menyatakan tentang keharusan perkahwinan ini (وَاللهُ أَعْلَم). Ini dikuatkan lagi apabila isu perkahwinan ini dibincangkan dalam forum isu-isu zakat semasa yang diadakan di Doha pada bulan April 1998, di mana majoriti ulama’ yang hadir dalam forum tersebut menyatakan bahawa perkahwinan *Misyar* adalah harus, dan ia dilihat sebagai penyelesaian kepada beberapa masalah sosial dengan cara yang halal. Mereka yang mengharamkannya juga tidak menyatakan perkahwinan ini tidak sah (Al-Qaradhawi, 2006).

Namun, sebagai penjelasan yang lebih terperinci mengenai keharusan perkahwinan ini sebagai yang rajih adalah seperti berikut:

- 1- Majoriti ulama berpendapat bahawa isteri mempunyai hak untuk bersetuju bagi tidak mengambil hak-haknya, seperti mana dalam hadis Saudah yang memberikan haknya kepada ‘Aisyah dan pemberian tersebut diterima oleh Rasulullah SAW.
- 2- Dakwaan yang menyatakan perkahwinan *Misyar* tidak mencapai matlamat perkahwinan menurut syarak memang boleh diterima. Perkahwinan ini bukanlah yang boleh dicontohi atau diingini, namun ianya perkahwinan yang boleh diterima dan sah, perkahwinan yang berlaku ekoran kesusahan hidup dan perkembangan individu dan masyarakat. Kalau kita menyatakan perkahwinan yang tidak mencapai matlamat Syarak tidak boleh diterima, bagaimana dengan perkahwinan yang tidak bahagia yang tiada padanya *al-rahmah* dan *mawaddah*, adakah ianya terbatal? (Al-Qaradhawi, 2006).
- 3- Dakwaan yang menyatakan bahawa pengharusan perkahwinan ini akan membawa kepada tindakan lelaki mengeksplorasi kekayaan isteri adalah tidak boleh diterima. Ini kerana

<sup>2</sup> Kemampuan suami untuk menunaikan tanggungjawabnya dalam keluarga.

perkara sedemikian juga mungkin berlaku pada perkahwinan biasa. Perkara ini sebenarnya terletak pada akhlak dan iman seseorang. Penganiayaan tidak akan wujud selagi mana akhlak dan iman berada kukuh pada diri seseorang (Al-Qaradhawi, 2006).

- 4- Manakala dakwaan bahawa perkahwinan *Misyar* menyebabkan *qiwamah al-rijal* hilang adalah tidak benar. Ini kerana Allah menjadikan kekuatan lelaki di atas kekuatan wanita dengan 2 perkara:

- a. Dengan kelebihan yang Allah berikan.
- b. Dengan apa yang dinafkahkan daripada harta-harta mereka.

Perkara yang pertama bermaksud apa yang Allah khususkan kepada lelaki yang terdiri daripada kekuatan untuk memikul beban hidup dan kesabaran dalam menghadapi dugaan serta tanggungjawabnya lebih berat daripada wanita. Perkahwinan misyar tidak menggugurkan perkara ini. Manakala yang kedua: Maksud ini tercapai dengan maskahwin yang diberikan. Penerimaan suami terhadap kompromi isteri bukanlah tanda hilangnya *Qiwamah al-rijal* (Al-Qaradhawi, 2006).

- 5- Pihak yang mengharamkan perkahwinan Misyar juga membandingkan perkahwinan ini dengan perkahwinan-perkahwinan yang diharamkan dalam Islam seperti perkahwinan *Mut'ah* dan perkahwinan *al-Muhallil* (cina buta). Tindakan tersebut tidak boleh diterima kerana perbezaan antara perkahwinan *Misyar* dengan perkahwinan yang telah diharamkan itu adalah amat jauh. Penjelasannya akan diterangkan pada topik perbandingan antara perkahwinan *Misyar* dengan perkahwinan-perkahwinan yang disebutkan di atas.

## PERBEZAAN PERKAHWINAN MISYAR DENGAN BEBERAPA PERKAHWINAN LAIN

### Perkahwinan *Mut'ah*

Perkahwinan *Mut'ah* merupakan aqad antara lelaki dan perempuan untuk tempoh tertentu dengan maskahwin tertentu. Tempoh itu berdasarkan kepada persetujuan kedua belah pihak sama ada setahun, sebulan atau sehari. Sekiranya tempoh itu kurang daripada sehari perkahwinan itu masih boleh dikira, apa yang penting penetapan masa akhir dibuat seperti sehingga zohor atau maghrib. Tamatnya perkahwinan ini dengan tamatnya tempoh yang ditetapkan tanpa perlu kepada talak. Jika seseorang itu berkahwin *Mut'ah* untuk tempoh sehari, perkahwinan itu tamat dengan tamatnya tempoh sehari tanpa perlu kepada perceraian (Zaidan, 1997).

### Hukum Perkahwinan *Mut'ah*

Perkahwinan ini harus menurut pendapat golongan *Syiah Ja'fariah*. Ulama Syiah "al-Tusiy" menyebut: "Perkahwinan *Mut'ah* harus dalam Syariah Islam". Namun dalam mazhab *Ahl Sunnah wa al-Jamaah* para ulama bersepakat bahawa perkahwinan mut'ah tidak sah dan haram (Zaidan, 1997) berdasarkan dalil-dalil berikut:

- 1- Hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib:

(إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىٰ عَنِ الْمُثْغَرِ..)

Yang bermaksud: Sesungguhnya Nabi SAW telah melarang perkahwinan *mut'ah* (Al-Bukhari, 1987).

- 2- Hadis yang diriwayatkan oleh al-Rabi' bin Sabrah, Rasulullah SAW bersabda:

(إِنِّي قَدْ كُلَّتُ أَيْنَتُ لَكُمْ فِي الْاسْتِمْنَاعِ مِنَ النِّسَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَمَ ذَلِكَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْهُنَّ شَيْءٌ فَلْيُخْلِنْ سَبِيلَهُ وَلَا تَأْخُذُوا مِمَّا أَتَيْنَاهُنَّ شَيْئًا)

Yang bermaksud: Aku telah mengizinkan kepada kamu sebelum ini untuk berkahwin *Mut'ah*, dan Allah telah mengharamkannya hingga ke hari kiamat, sesiapa yang masih mempunyai isteri yang dikahwini secara *mut'ah* maka lepaskanlah mereka itu, dan jangan kamu ambil sesuatupun yang telah diberikan kepada mereka (Muslim, t.th.).

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas jelaslah tentang kekuatan dan kebenaran pendapat *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* tentang batal dan haramnya perkahwinan *Mut'ah* kerana ianya bersandarkan kepada hadis yang sahih yang jelas menunjukkan tentang pengharaman perkahwinan tersebut hingga ke hari kiamat.

### **Perkahwinan Al-Muhallil (Cina Buta)**

Definisi *Nikah al-Muhallil* ialah perkahwinan seorang lelaki (suami kedua) dengan wanita yang diceraikan dengan talak tiga oleh suami pertama, dengan tujuan untuk menghalalkan suami pertama berkahwin semula denga bekas isterinya yang telah diceraikan dengan talak tiga itu. Perkahwinan ini diberi nama *al-muhallil* kerana ianya bertujuan untuk menghalalkan sesuatu yang tidak halal iaitu perkahwinan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan (Zaidan, 1997).

Hakikatnya, seseorang suami yang telah menceraikan isterinya dengan talak tiga tidak boleh merujuk lagi kepada isteri tersebut melainkan dengan syarat-syarat berikut:

- 1- Tamat iddah daripada suami pertama.
- 2- Kemudian wanita itu berkahwin dengan lelaki lain dan berlaku persetubuhan.
- 3- Kemudian apabila berlaku perpisahan dengan suami kedua itu sama ada kerana kematian atau perceraian dan tamat iddahnya, maka barulah suami pertama boleh berkahwin semula dengan wanita yang ditalak tiga itu (Zaidan, 1997).

Syarat-syarat tersebut bersandarkan kepada ayat al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW:-

#### 1- Firman Allah SWT:-

{فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحُلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّىٰ تَنكِحْ رَوْجًا غَيْرَهُ فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهَا أَنْ يَتَرَاجَعَ إِنْ طَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتُنْكِحْ حُدُودَ اللَّهِ بِيُبَيِّنَهَا لِقَوْمٍ يَظْلَمُونَ}

Yang bermaksud: Sesudah (*diceraikan dua kali*), itu jika *diceraikan pula* (*bagi kali yang ketiga*) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia *diceraikan* (*oleh suami baharu itu dan habis idahnya*), maka mereka berdua (*suami lama dan bekas isterinya*) tidaklah berdosa untuk kembali (*maskahwin semula*), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (*mahu*) mengetahui dan memahaminya. (Al-Quran, Al-Baqarah:230)

#### 2- Hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah RA:-

(أَنَّ امْرَأَةً رَفَاعَةَ الْفُرَاطِيَّ جَاءَتْ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ رَفَاعَةَ الْفُرَاطِيَّ فَتَّلَقَّيْ فَتَّلَاقِيَ وَإِنِّي نَكْحُثُ بَعْدَهُ عَبْدَ الرَّزْحَمْ بْنَ الرَّبِيعِ الْفُرَاطِيَّ وَإِنِّي مَعْهُ مِنْ الْهُدُدِيَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعْلَكِ تُرِيدُنَّ أَنْ تَرْجِعِي إِلَى رَفَاعَةَ، لَا، حَتَّىٰ يَتُوقَّعَ عُسْتَلَكَ وَتَذَوَّقَ عُسْتَلَتَهُ)

Yang bermaksud: *Isteri Rifa’ah al-Qurazi datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya Rifa’ah telah menceraikan aku dengan talak tiga, dan aku telah berkahwin selepas itu dengan Abd al-Rahman bin al-Zubair al-Qurazi, Namun aku dengannya hanya sekadar tepi-tepi kain sahaja (tidak mampu untuk bersetubuh). Lalu Rasulullah SAW bersabda: Mungkin kamu ingin kembali kepada Rifa’ah, Kamu tidak boleh berbuat demikian sehinggalah kamu merasakan kelazatannya (suami kedua) dan dia merasakan kelazatan kamu (berjimak)* (Al-Bukhari, 1987).

### **Hukum Pekahwinan Al-Muhallil**

Harus bagi seseorang lelaki mengahwini semula isteri yang telah diceraikannya dengan talak tiga apabila melalui proses yang disebutkan di atas tanpa sebarang syarat dan niat al-tahlil dari kedua-dua pihak (*al-muhallil* dan *al-muhallal lah*) (Zaidan, 1997).

Namun, perkahwinan jenis ini menjadi haram dan dilaknati oleh Allah apabila ianya bermatlamat untuk menghalalkan kembali perkahwinan antara lelaki dengan bekas isterinya yang telah diceraikan dengan talak tiga ataupun disebut syarat *al-tahlil* semasa aqad.<sup>3</sup> Maka keadaan yang haram inilah diberi nama *nikah al-Muhallil*. Sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah SAW:-

(لَعْنَ اللَّهِ الْمُخْلِلِ وَالْمُخْلَلُ لَهُ)

Yang bermaksud: “Allah melaknati *al-muhallil* (lelaki yang berkahwin dengan wanita yang telah ditalak tiga untuk menjadikannya halal berkahwin dengan suami pertama), dan *al-muhallal lah* (suami yang ingin kembali semula dengan isteri yang telah ditalak tiga olehnya)” (Abu Daud, t.th.).

<sup>3</sup> Mazhab Hanbali dan Hanafi menyatakan bahawa jika kedua-dua pihak mempunyai niat al-tahlil dan tanpa menyabut sebarang syarat sebelum atau semasa aqad, perkahwinan itu batal dan haram. Namun mazhab Syafie dan Hanafi menyatakan niat sahaja tidak membantalkan perkahwinan tersebut (Zaidan, 1997).

Al-Son'aaniy dalam bukunya menyebut: *Hadis ini menunjukkan tentang pengharaman nikah al-muhallil, ini kerana kelaknatan tidak berlaku melainkan terhadap perbuatan yang haram, setiap yang haram itu adalah dilarang dan larangan membawa kepada terbatalnya aqad* (Al-Son'aaniy, t.th.).

Dengan penjelasan tentang perkahwinan *Mut'ah* dan *al-Muhallil* di atas jelaslah bahawa perbezaan antara Misyar dan kedua-duanya adalah amat ketara dan tidak wajar untuk dibuat perbandingan. Dr. Yusuf al-Qaradhowiy ketika membandingkan perkahwinan Misyar dengan kedua-dua perkahwinan tersebut menyatakan: “*perkahwinan mut'ah adalah perkahwinan sementara, dan terhad untuk tempoh-tempoh tertentu, manakala perkahwinan misyar perkahwinan yang berterusan tanpa dihadkan masa*”. Beliau menyebut lagi: “*Nikah al-muhallil tidak mempunyai langsung matlamat perkahwinan menurut Islam, ianya hanyalah sekadar jambatan untuk menghalalkan perkahwinan orang lain berbeza dengan perkahwinan Misyar*” (Al-Qaradhwai, 2006).

## PENUTUP

Memang tidak dapat dinafikan perkahwinan Misyar mempunyai pro dan kontranya, namun sekurang-kurangnya ia dapat menjadi penyelesaian kepada banyak permasalahan yang berlaku akhir-akhir ini. Terutamanya di negara-negara seperti di Teluk yang ramai wanita terpaksa berhadapan dengan kesukaran mendapatkan suami kerana kedudukan mereka yang tinggi. Di samping itu ianya juga dapat mengelakkan wanita-wanita tersebut daripada terjerumus melakukan sesuatu yang tidak diingini oleh Islam. Namun, harus diingat walaupun perkahwinan ini mempunyai segala rukun dan syarat perkahwinan menurut Islam tetapi ianya bukan boleh digunakan sewenang-wenangnya kerana dibimbangi akan berlaku tindakan mengeksplotasi hak dan kekayaan wanita. Oleh itu, sepatutnya perkahwinan ini tidak sepatutnya diberi galakan untuk tersebar luas dalam masyarakat. Justeru, walaupun penulis pada dasarnya lebih cenderung kepada keharusan perkahwinan ini tetapi ianya bukan secara mutlak, keharusan itu bergantung kepada niat seseorang.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Basmeih (1995). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz)*. Cet. ke-6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud, Abu Daud, Sulaiman bin al Asy'ath (t.th). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al Fikr. Kitab al-Nikah.
- Al Asyqar, Usamah Umar Sulaiman (2000). *Mustajiddat fiqhiiyyah fi qadoya al-zawaj wa al-tolaq*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah (1987). *Sahih al Bukhari*. Beirut: Dar Ibn al Kathir. Kitab al-Nikah.
- Al-Qaradhwai, Yusuf (2006). *Haula zawaij al-Misyar*. <http://www.themwl.org/Bodies/Researches/default.aspx?d=1&rid=275&l=AR>
- Al-Son'aaniy, Muhammad bin Ismail (t.th). *Subul al-Salam fi Syarh bulugh al-Maram*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Utaibiy, Ihsan bin Muhammad (2006). *al-Zawaj bi niyyat al-Tolaq wa Zawaj al-Misyar*. <Http://www.saaid.net/Doat/ehsan/9.htm>.
- Al-Utaibiy, Ihsan bin Muhammad. 2006. *al-Zawaj bi niyyat al-Tolaq wa Zawaj al-Misyar*. <http://www.saaid.net/Doat/ehsan/9.htm>.
- Al-Zuhailiy, Wahbah (1999). *Khitab al-Ustaz al-Doktor Wahbah al-Zuhailiy Ilia Usamah Umar al-Asyqar*. Dalam buku (Mustajiddat Fiqhiyyah oleh al-Asyqar)
- Ibnu Manzur, Abi al Fadl Jamal al Din Muhammad bin Mukram (t.th). *Lisan al 'Arab*. Beirut: Dar sadir. *Kamus Dewan* (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, ibn al-Hajaj (t.th). *Sohih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy.

- N.A. (2004). *Zawaj al-Urfiy Zawaj al-Misyar.*  
[http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu\\_no=2&item\\_no=111&version=1&template\\_id=106&parent\\_id=16](http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu_no=2&item_no=111&version=1&template_id=106&parent_id=16)
- N.A. (2006). *al-Tahayul 'an al-Zina.* <http://servant13.net/mesiar.htm>.
- N.A. (2007). *Zawaj al-Misyar.* <http://www.yabeyrouth.com/pages/index3133.htm>.
- Zaidan, Abd al-Karim (1997). *al-Mufassal fi ahkam al-mar'ah wa bait al-Muslim fi al-syariah al-Islamiyyah.* Beirut: Muassasah al-Risalah.